

05 SEP 2000

MALAYSIA-UK/I

MALAYSIA SEDANG KELUAR DARI KRISIS, KATA SYARIKAT UK

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Malaysia, dengan cara yang amat berkesan dan berterusan, sedang keluar dari belenggu krisis kewangan yang melanda rantau ini dua tahun lepas, kata para wakil beberapa syarikat United Kingdom (UK) yang melabur di Malaysia.

"Mereka (syarikat-syarikat UK di sini) telah memberitahu saya bahawa mereka yakin dengan langkah-langkah yang diadakan oleh pentadbiran, Malaysia akan terus menarik pelaburan baru dan berada pada kedudukan yang mantap di rantau ini untuk terus membangun," kata Menteri Perdagangan UK Richard Caborn.

"Ini adalah baik bagi keyakinan perniagaan. Saya akan sampaikan pesanan ini," katanya pada sidang media selepas pertemuan hampir sejam dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia Datuk Seri Rafidah Aziz, di sini hari ini.

Caborn turut melahirkan keyakinan beliau bahawa sektor swasta British akan terus melabur di Malaysia.

Sejak dua tahun lepas syarikat-syarikat UK telah melabur kira-kira AS\$1.5 bilion di Malaysia, tambahnya.

Beliau juga berkata satu pameran perdagangan UK akan diadakan di sini awal tahun depan. Selain itu beberapa lawatan peringkat menteri dari UK ke Malaysia juga telah dijadualkan untuk 12 hingga 18 bulan akan datang.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula dijangka akan melawat UK awal Oktober ini.

Mahathir dijangka melawat Cambridge di mana beliau akan meninjau pembangunan multimedia di sana, kata Caborn.

Sementara itu, Rafidah berkata Malaysia dan UK mempunyai asas yang kukuh untuk membina masa depan masing-masing dalam bidang ekonomi dan bidang lain.

Hubungan pelaburan antara kedua-dua negara tidak lagi satu hala, katanya.

Beliau berkata terdapat 172 operasi perkilangan di Malaysia dengan kepentingan ekuiti British dalam berbagai aktiviti, selain dari 275 syarikat British dalam sektor bukan perkilangan.

Kira-kira 27 syarikat Malaysia telah menubuhkan pejabat serantau di UK untuk memberi khidmat kepada pasaran UK dan Eropah, tambahnya.

"Ini adalah sesuatu yang baik dan mungkin kita harus meminta sektor swasta kedua-dua negara mengenal pasti bidang-bidang lain untuk memperkukuhkan hubungan," tambahnya.

Jumlah dagangan antara Malaysia dan UK untuk enam bulan pertama tahun ini bernilai RM8.758 bilion di mana eksport Malaysia sebanyak RM5.736 bilion dan import RM3.022 bilion.

Tahun lepas, jumlah dagangan sebanyak RM17.678 bilion atau 3.1 peratus daripada jumlah dagangan global Malaysia. Eksport Malaysia ke UK bernilai RM12.067 bilion manakala import pula bernilai RM5.611 bilion.

-- BERNAMA

MSL SD JR MA